

# Prolog

**LAGU** yang berkumandang di corong radio ketika ini benar-benar membuatkan aku diterpa perasaan sayu. Sejenak mindaku kembali menerawang, mengingati detik ketika diriku ini mula mempelajari apa itu cinta.

Ya. Sukar. Sukar untuk aku temui lelaki yang baik budi pekerti sepertinya. Tetapi mengapa saat benih cinta itu mulai mekar dalam hati, dia ditimpa musibah? Ujian daripada Allah, siapalah aku hendak mempersoalkan takdir yang ditentukan-Nya?

*For the rest of my life  
I'll be with you  
I'll stay by your side honest and true  
Till the end of my time  
I'll be loving you  
Loving you...*

Lagu inilah yang sering dijanjikan oleh pengajar subjek cintaku ketika dia belum terlantar di hospital. Nyanyiannya itu membuatkan hatiku tenang, setiap bait lirik yang ditulis oleh Maher Zain itu benar-benar meninggalkan kesan yang mendalam di dalam lubuk jiwaku.

Air mataku tumpah, hati ini masih tidak henti-henti berdoa.

“Ya Allah, sembuhkanlah suamiku ini, Ya Allah...”

Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata. Surah As-Saaffaat : Ayat 106

# 1

**AKU** masih lagi diterpa perasaan hairan bagaimana dia boleh berdiri di hadapan mataku sekarang ini. Jika tidak silap, baru sahaja sebentar tadi dia berada di tepi tandas awam itu. Sekejap sahaja dia sudah berdiri di hadapan aku dengan senyumannya yang boleh membuatkan hatiku bergetar dan mencair ibarat ais!

Memang dia ini menuntut ilmu *magic* daripada Harry Potterkah? Sekejap di sana, sekejap di sini. Sehingga aku pula jadi tidak keruan. Jiwa jadi tidak tenang. Sejak aku duduk di Baskin Robbins lagi aku sudah terlihat kelibatnya. Namun ketika itu aku tidak mengambil endah.

Sewaktu aku ternampak dia sahaja pun, jantungku ini sudah berdetak kencang. Itu ketika dia berada jauh denganku. Bagaimana pula kalau dia berada di hadapan mataku sekarang? Hati ini berdebar tatkala panahan matanya yang redup itu mengenai tepat ke bebola mataku.

“Ha! Awak menghendap saya ya?” jerkahku spontan.

Entah mana pula datangnya keberanian yang tiba-tiba menyusup masuk ke dalam jasadku, aku menjerkahnya.

Dia hanya tersengih, memaparkan barisan giginya yang putih berseri. Aku menjadi semakin geram, tahulah giginya itu rata dan tidak berterabur, tidak perlulah hendak menayang pula kepada aku. Aku mendongkol

geram.

"Perasannya dia." Dengan riak selamba, dia menyindirku dengan sinis.

Aku sekadar mengetap bibir tanda geram. Adakah dia memang sengaja hendak menyindirku atau kata-katanya tadi sekadar alasan yang relevan untuk mempertahankan dirinya?

"Excuse me." Spontan, aku menolak tubuhnya yang sasa dan tegap itu ke tepi. Dia menghalang laluanku untuk melangkah pergi!

Seulas senyuman yang menawan terukir di bibirnya. Gayanya bersahaja, tiada langsung riak kalut atau resah yang terpapar di wajahnya yang putih itu. Jelaslah dia seorang yang sangat berani!

"Awak..." Suaranya yang lembut itu menyapa gegendang telingaku. Aku berpaling ke belakang. Sempat lagi aku mengomel sendirian. Apa lagilah yang mamat ini mahukan daripada aku! Sejak tadi lagi dia mengekori aku. Risau betul!

"Nak apa?" Sengaja aku mendengus dengan kasar sambil mencerlungkan mataku memandangnya.

"Ada nombor telefon?" pintanya dengan berani.

Aku mengangkat kedua-dua keningku dengan tinggi. Amboi! Berani betul hendak minta nombor telefon aku? Apa dia ingat aku ni perempuan murahkah? Baru kenal sekejap saja sudah berani minta nombor telefon aku!

"Tak ada nombor telefon. Saya tak pakai telefon." Aku sengaja memberi alasan yang tipikal dan klise. Itulah alasan yang terlintas dalam mindaku ketika ini untuk meloloskan diriku dari hadangan lelaki ini.

"Tipu..."

Aku memandangnya dengan tajam. Mana tidaknya, aku cukup pantang sekali jika seseorang itu tidak tidak faham bahasa!

“Tak percaya sudah.”

Aku sudah malas hendak melayannya lagi lantas aku segera berjalan cepat-cepat meninggalkannya yang sudah terpinga-pinga itu. Eloklah kalau aku angkat kaki! Tambahan lagi, banyak kawasan yang belum aku terjah.

Sewaktu aku hendak melangkah sahaja, aku merasakan beg tangan Gucciku direntap dengan kuat. Dengan tidak semena-mena aku menjadi panik!

Suasana di dalam pusat beli-belah ini sesak dengan manusia, maka tiada siapa yang menyedari beg tanganku itu diragut! Aku hampir terpunduk lemah, dalam kesamaran pandangan matakku yang kian kabur itu, aku dapat melihat wajah lelaki durjana berambut panjang yang meragut beg tanganku itu.

Segala barang yang berharga berada di dalam beg tanganku itu! Jika perihal duit, aku tidak berapa kisah. Tetapi bagaimana dengan lesen keretaku? Kad pengenalan? Dan juga beberapa dokumen penting yang lain? Nampaknya aku harus menjadi pendatang asing di negaraku sendiri selepas ini!

Bibirku terasa berat, hendak meminta pertolongan pun sudah tidak mampu! Pandangan matakku kian kabur, mujur sahaja ada dalam kalangan pengunjung pusat beli-belah itu menyedari beg tanganku diragut.

Dalam pandanganku yang kian samar itu, aku lihat ada dua atau tiga orang lelaki yang mengejar lelaki berambut panjang itu dengan pantas. Dan aku? Aku sudah tidak mampu mengimbangi tubuh badanku kini. Aku pengsan!

“CIK?” Aku merasakan wajahku basah disimbah-simbah dengan air. Spontan, aku membuka mata.

Hatiku berdetik sendiri. Di mana aku sekarang ini? Perasaan lesu masih lagi berkeliaran di dalam badanku ini. Dengan perlahan-lahan aku mengagahkan tubuh badanku untuk duduk.

Aku melihat lelaki yang meminta nombor telefon aku sewaktu di hadapan tandas tadi sedang berbincang dengan seorang wanita yang lebih kurang sebaya denganku.

“Dah sedar?” Lelaki yang meminta nombor telefonku tadi, bingkas bangun dari kerusi yang sedang dia duduk itu. Aku mengangguk sambil hati kecilku mengomel sendiri. Yalah! Takkan tak nampak aku sudah bangun ni? Aku mendengus lagi.

Dia menghulurkan beg tangan yang berada di tangannya kepada aku. “Nah... Beg awak. Nasib baik orang sempat kejar.”

Aku mengambil beg tanganku dengan pantas. Langsung tiada usaha untuk aku mengucapkan terima kasih kepadanya yang sudah menyelamatkan beg tanganku ini. Aku lihat dia pun seperti tidak kisah sahaja apabila aku tidak mengucapkan terima kasih kepadanya.

Wanita yang berbual dengannya tadi berdiri. Aku rasakan wanita ini ialah teman wanita dia. Mungkin? Entahlah, kalau teman wanita dia pun apa aku peduli? Ada aku kisah? Wanita yang berada di hadapanku ini menghadihkan seulas senyuman yang manis kepadaku. Matanya bundar mempesona.

“Awak... Dialah yang tolong awak masa awak pengsan tadi.” Lelaki tadi memberitahu aku. Aku mengangguk sahaja. Sekali lagi bibirku terasa berat sahaja

untuk mengucapkan terima kasih. Entah mengapa, aku sendiri tidak tahu. Tapi hendak buat macam mana lagi, kan? Memang bibirku berat sekarang ini.

“Saya minta diri dulu ya, cik? Saya tak boleh lama ni.” Wanita yang memakai tudung berwarna biru cair itu menguntum senyuman lagi.

Senyumannya memang manis. Jika hendak suruh aku senyum begitu, aku rasakan aku tidak mampu.

Sekejap saja, bayangan wanita yang meminta diri tadi lesap dari pandangan mataku. Wanita itu berlalu pergi begitu sahaja sebelum sempat aku mengucapkan terima kasih kepadanya. Aku hanya membiarkan wanita itu pergi begitu sahaja. Aku kembali menyandar pada kerusi. Di mana aku sekarang ini ya?

“Awak...” Lelaki yang memakai baju ungu itu memanggilku. Aku memandang dia dengan renungan yang kosong. Apa nama lelaki ini ya?

“Beri nombor telefon keluarga awak,” pintanya. Dahiku berkerut-kerut. Kurang dari beberapa jam tadi dia meminta nombor telefonku, dan sekarang nombor keluargaku pula? Apa sebenarnya masalah lelaki ini? Tulang kepalanya sudah retak atau apa?

“Buat apa?” Kasar aku bertanya.

“Nak hantar rombongan meminang.” Mataku membulat. Apa yang dia ini katakan? Terlalu selamba tutur katanya itu sehingga benda-benda sebegitu pun dia jadikan jenaka? Dia tersengih memandang aku.

“Taklah. Orang nak *call* suruh ambil awak dekat sini. Ke awak nak suruh orang hantar?” Dia memberikan aku pilihan. Sekali lagi dahiku berkerut, lipatan pada dahiku terbentuk.

“Orang mana?” Dengan nada naif aku bertanyanya. Aku langsung tidak memahami apa yang dia katakan.

“Oranglah.” Dia menuding jari kepada dirinya sendiri. Oh! Barulah aku mengerti sekarang ini. Dia membahaskan dirinya sebagai ‘orang’ dan bukannya ‘saya’. Aku fikirkan apalah yang hendak dia katakan tadi.

“Saya boleh balik sendiri. Tak payah nak baik sangat,” marahku kepadanya. Dia mengeluh hampa.

Dalam hatiku, aku sendiri tidak faham mengapa aku perlu marah kepadanya sekarang ini. Niatnya itu baik, dia hendak membantu aku.

Ah, lelaki. Sama sahaja semuanya. Zaman sekarang ini aku harus berhati-hati. Lelaki ni bukannya boleh dipercayai sangat. Sewaktu hendak mengenali wanita, pelbagai aksara yang bersalut madu dilontarkan. Tetapi setelah mengenali seseorang wanita, lain pula jadinya.

“Awak... Orang tak kenal awak sepenuhnya, tapi tolong bagi orang peluang untuk mengenali awak. Boleh?” Lembut suaranya memujuk.

Aku jadi terbuai seketika mendengar kata-katanya itu. Dia tampak benar-benar ingin mengenaliku.

Lelaki ini mempunyai wajah yang kacak pada pandangan mata seorang wanita sepertiku. Dia mempunyai mata yang redup, hidung yang mancung serta kulit yang putih. Jika sekali pandang, mungkin ramai menebak dia ini ialah kacukan Inggeris kerana aku juga beranggapan begitu.

Aku menggelengkan kepalaku. Dia menghembuskan nafasnya dengan kuat. Mungkin dia benar-benar hampa dengan jawapan yang aku berikan kepadanya.



"Please awak... Orang memang tak ambil kesempatan pada awak. Awak jangan risau."

Dia seperti mengetahui sahaja apa yang sedang bermain dalam mindaku ketika ini. Aku tersenyum. Perlukah aku memberinya peluang untuk mengenali diriku? Apakah faedahnya? Aku wanita biasa sahaja, wajah pun tidaklah secantik mana. Hanya biasa-biasa sahaja.

"Bagi saya fikir." Dia terdiam.

"Nama orang Shark." Dia memberitahuku tanpa aku bertanya kepadanya.

Aku terlopong seketika. Namanya bukan main brutal, tetapi lihat sahaja tingkah lakunya yang sangat *romantika de amour* ini... Apa ini? Aku menggelengkan kepalaku.

"Kenapa nama ikan?" Aku tertawa. Dia tersengih lantas menggaru kepalanya yang tidak gatal.

"Nama penuh orang, Shakir." Shark memberitahuku lagi. Aku seperti sudah tidak berminat hendak mendengar cerita selanjutnya daripada dia. Biarlah, namanya Sharkkah, Jawskah, Tunakah, ada aku kisah?

"Bagi cepat nombor awak." Dia memaksaku. Akhirnya aku akur dengan arahannya itu. Mungkin lebih baik dia menelefon mama agar mengambilkau daripada dia menghantarku pulang. Teruk sahaja jadinya nanti!

Akhirnya aku menyebut nombor telefonku laju-laju.

"Erm... Okey... Nama?" Aku mengangkat keningku tinggi-tinggi. Adakah ini strategi bagi dirinya untuk mengetahui namaku?

"Misha." Dia mengangguk dan tersengih dengan

pandangan mata yang nakal.

“Misha... Sedap nama tu.” Itulah kata-kata biasa yang sering keluar dari bibir seorang lelaki apabila mereka hendak mengenali seseorang wanita itu. Aku sudah biasa sangat dengan hal itu!

“Sedap. Tak boleh makan.” Segera aku menyampuk. Dia tersenyum-senyum.

“Boleh aje. *Erm*, tunggu sekejap.” Dia keluar dari bilik yang kecil ini. Mungkin bilik ini ialah bilik rawatan yang disediakan oleh pihak di pusat beli-belah ini.

Aku sekadar termenung sendirian sementara menunggu Shark masuk semula. Mujur sahaja barang-baranganku selamat! Jika tidak, pasti aku akan menangis tujuh hari tujuh malam! Beg yang diragut itu mempunyai nilainya yang tersendiri. Beg itu aku beli sewaktu aku pertama kali menerima gajiku semasa praktikal dahulu.

Beberapa minit kemudian, Shark masuk semula ke dalam bilik itu dengan sengih lebar. Aku menjadi semakin hairan. Angin apalah yang sedang menyerang lelaki ini? Semakin pelik aku lihat perangnya itu.

“Mama awak suruh orang hantar awak balik.” Dia tersengih.

Aku terkejut! Biar betul? Mama ini kadang-kadang suka berlawak. Aku segera mengeluarkan telefon bimbitku pula. Shark memandang aku, terasa malu pula aku sekarang ini!

“Mama!” Itu sahaja yang terpacul dari bibirku sebaik sahaja mama menjawab panggilanku. Nampak tergesa-gesa sahaja, kan?

“Ya?” Suara mama kedengaran di corong telefon.

"Mama tak boleh ambil Mimi ke?" Aku menyoal mama. Buat seketika, suasana di dalam bilik kecil ini menjadi sunyi. Shark pula sedari tadi tidak henti-henti memandangkanku.

"Mama tak dapat ambil Mimi. Mama *busy* sekarang ni. Ada miting dengan persatuan." Itu sahaja yang mampu aku dengar sekarang ini. Tanpa sempat ucapkan apa-apa kepada mama, aku terus sahaja menutup talian. Aku merasa sebal!

"Sudah?" Shark memandang aku sebaik sahaja aku menyimpan telefon bimbitku di dalam beg.

Aku mengangguk lemah. Hai nasib... Peluang engkaulah Shark nak hantar aku balik. Suara hatiku berbisik.

"Awak nak gerak sekarang ke? Atau awak nak makan dulu?" Shark menyoal aku.

Aku berfikir sejenak. Sebenarnya, sejak tadi lagi aku tidak sempat untuk menjamah makanan langsung! Perutku sekarang juga sedang berkeroncong. Alahai.

Aku menggeleng. Terpaksalah aku menahan kelaparanku ini, biarlah aku makan di rumah sahaja. Nanti lama pula aku kena duduk berbual dengannya. Shark menjongket keningnya.

"Makan dulu, muka awak nampak pucat. Orang tak kira walaupun awak kata awak tak lapar, *but you have to eat.*" Tegus dia berkata, tidak ubah seperti seorang diktator yang memberi arahan.

Akhirnya aku mengangguk juga. Malas hendak berdebat lagi dengannya.

Aku segera mencapai beg tanganku. Kemudian

aku mendapat satu idea.

“Baru saya ingat, saya bawa kereta sendirilah!”  
Aku mereka-reka cerita. Mungkin ini sahaja caranya untuk aku mengelaknya dari menghantarku pulang.

Shark berwajah serius.

“Awak tak payah nak tipu orang boleh tak? Orang tahu awak tak bawa kereta,” tenang Shark.

Aku makin pelik! Macam mana dia tahu? Adakah dia mengintip aku?

Lelaki ini semakin merunsingkan fikiran aku sahaja! Nampaknya aku harus berhati-hati, bimbang aku berada dalam keadaan yang bahaya kerana lelaki ini kelihatannya sudah lama mengawasi gerak-geriku.

“Jom. Makan...” Aku dan dia terus jalan beriringan keluar dari bilik rawatan kecil itu. Aku masih lagi musykil dengan dirinya yang sebenar. Siapa dia agaknya ya?

“**SEDAP** kan makanan kat sini?” Shark bersuara setelah lama dia mendingankan diri. Aku mengangguk malas. Bolehlah, tapi masih tidak boleh lawan masakan mama. Jadi, dapat aku simpulkan di sini, bahawa masakan di restoran ini suam-suam kuku sahaja!

“Biasa ajelah,” jawabku, acuh tidak acuh.

Terdetik rasa kasihan dalam diri aku apabila melihat dia seperti berbicara seorang diri sedari tadi. Nasiblah! Kenapa senang-senang aje mama beri kepercayaan dekat Shark ini untuk hantar aku pulang?

Sungguh, aku tidak menyangka! Padahal yang aku ketahui selama ini, mama memang sukar untuk melepaskan aku keluar bersama-sama dengan lelaki! Apatah lagi hendak rapat, isu cinta pun jarang timbul ketika aku dan mama berbual bersama. Bagaimana pula dengan Shark? Elok sahaja mama memberikan lampu hijau kepadanya untuk menghantar aku pulang!

"*Taste* awak tinggi sangat orang rasa. Awak ni mesti rajin makan kat hotel." Shark berlawak.

Aku ketawa tiga saat. Kononnya apa yang dia katakan sebentar tadi kedengaran lucu pada gegendang telingaku. Walhal, aku gelak sarkastik aje!

"*Nonsense.*" Aku kembali membuat wajah serius. Makanan yang berada di dalam pingganinya sudah licin. Hanya tinggal aku seorang sahaja yang masih belum menghabiskan sisa makananku di dalam pinggan.

Aku sendiri berasa pelik. Jika tidak silap aku, aku sudah makan dengan sangat banyak tadi. Tapi tidak sangka pula, makanan di dalam pingganku masih lagi belum habis.

"Misha..." Aku hampir tersedak.

Alahai... Suaranya romantik benar. Cara dia memanggil namaku itu seperti hendak menggoda sahaja. Mana tidaknya aku tersedak. Rasanya, kalau aku sedang makan ketam sekarang ini, pasti aku sudah tertelan sepit ketam. Haru!

Dia menghulurkan air kepadaku.

"Makan perlahan-lahanlah, awak... Jangan gelojoh sangat." Shark memberiku nasihat. Terasa tenang sahaja telingaku ini ketika dia memberikan nasihat kepadaku. Walaupun aku ini bukanlah jenis perempuan yang suka dengar nasihat.

"Thanks..." Baru kali ini aku mengucapkan terima kasih kepadanya. Shark tersenyum meleret.

"Ini kira ucapan terima kasih merangkumi semua atau sebab orang bagi air aje ni?" Shark menyoalku. Aku tiada jawapan untuk itu, aku segera menjongket bahu.

"Semua aje..." Acuh tidak acuh, aku menjawab. Dia tersenyum manis.

"Orang ingatkan awak tak pandai ucap terima kasih. Kesian kat orang tau, dari tadi orang tunggu perempuan cantik macam awak ucap terima kasih kat orang..." Shark berkata lagi.

Dahi aku berkerut. Kenapa pula?

"Tengok tu... Dahi dah berkerut-kerut." Shark mengusik lagi.

Aku mendengus. Ada sahaja benda yang dia hendak usik. Teruk betul dia ini!

"Shark. Saya nak tanya awak sikit ni." Aku bersuara.

Dia memandang aku, memberi sepenuh perhatian. Aku pula yang menjadi bengang sekarang ini. Sumpah! Aku tidak boleh memandang terus ke mata dia. Cair jadinya!

Lelaki ini mempunyai aura buaya, buaya darat. Aku sudah dapat membuat hipotesis sendiri. Lelaki ini mempunyai ramai teman wanita. Kerat jarilah kalau dia tiada teman wanita!

"Awak nak tanya banyak pun tak apa, awak. Orang tak kisah..." Lembut sahaja dia berkata. Aku diam sebentar. Menyusun kata yang ingin dituturkan.

"Mana awak tahu yang saya datang sini tak pakai kereta?" Shark ketawa lepas. Eh, aku ada tersilap katakah?

“Tak perlulah awak tahu macam mana orang tahu. Nanti aje orang beritahu kalau kita jumpa sekali lagi. Okey?” Dadaku terasa berdebar saat Shark berkata sebegitu. Hendak jumpa sekali lagikah?

Adakah ini bermakna pertemuan aku dan dia ini bukan kali pertama dan terakhir? Akan ada lagi pertemuan aku dengan dia selepas ini? Tolonglah, aku tak mahu! Suara hatiku menjerit. Tapi dalam masa yang sama, aku terasa senang mendengar kata-katanya itu.

Aku tersenyum sendirian sehingga aku sendiri tidak menyedari yang dia memerhatikan wajahku yang tersenyum-senyum itu.

“Comel bila awak senyum,” tegurnya.

Serta-merta aku menarik wajah masam. Sekejap sahaja aku sudah bertukar ke wajah serius. Dia tergelak lagi.

“Awak buat muka serius pun awak comel.” Aku terdiam. Memang sengaja aje lelaki ini hendak mengusik aku. Bila aku senyum dia katakan comel, bila aku membuat wajah serius pun dia kata comel. Psiko betul!

Aku mengambil tisu lalu mengelap bibirku. Memang aku sudah tidak boleh hendak menyumbat makanan lagi ke dalam perutku sekarang ini. Aku sangat kenyang sekarang! Jika aku sumbat lagi, aku yakin aku tidak boleh hendak berjalan lagi selepas ini.

“*I’m full,*” kataku. Dia memandangkanku dengan kerutan di dahinya.

“Kesian nasi tu. Menangis dia sebab awak tak habiskan,” ujar Shark, memujukku untuk menghabiskan makanan di dalam pingganku itu.

“Saya dah kenyang. Tak boleh masuk...” Aku mempertahankan diriku. Walaupun aku tahu, apa yang

Shark katakan itu benar belaka. Mana boleh hendak dipaksa lagi.

“Bungkus aje makanan ni. Balik nanti kalau awak lapar, boleh makan lagi. Sayang ni kalau membazir. *At least* awak kena bersyukur dengan rezeki yang Allah dah bagi.” Aku terjeda. Sia-sia sahaja aku diceramahnya di restoran ini.

Jujur aku akui, lelaki ni bukan sembarangan orang. Setiap butir bicaranya berbaur nasihat. Tapi siapa dia? Aku sendiri pun tidak tahu.

Dalam masa yang sama juga, dia seorang yang romantik!

Aku menggigit bibir. Memang kata-katanya sebentar tadi kedengaran pedas, tetapi aku tahu, Shark ikhlas ingin menyedarkan aku. Memang selama ini aku banyak membazir dalam kehidupanku. Hendak kata sudah terbiasa dari kecil, tidak juga.

“Suka hati awaklah.” Hanya itu yang mampu aku katakan. Hari ini sahaja aku sudah mendapat ceramah daripadanya sebanyak dua kali. Wajahku sudah terasa membahang.

Shark mengukir senyuman.

“*Good girl...*” Dia bangun dari kerusi dan menuju ke kaunter pembayaran.

Saat itu juga aku terpandang seseorang yang amat aku kenali wajahnya. Cepat-cepat aku memandang ke arah lain, buku menu yang tersedia di atas meja makan itu segera kucapai untuk menutup wajahku.

Aku sudah tidak boleh berfikir tentang hal lain lagi, aku cuma berdoa supaya dia yang aku lihat kelibatnya itu segera beredar. Cepatlah Shark buat pembayaran tu! Aku menjerit sendiri dalam hati.



# 2

**SHARK** memarkir kereta miliknya tepat di hadapan rumahku. Aku berasa hairan kerana tanpa aku menunjuk arah rumahku, dia boleh mengetahui di mana aku tinggal. Hatiku berdetik sendiri. Adakah Shark ini mempunyai kaitan dengan mama? Atau adakah Shark ini sudah berkomplot dengan mama untuk mengenakan aku?

Sejak tadi aku sudah merasakan seperti ada sesuatu yang tidak kena. Mungkin juga Shark dan mama sudah merencanakan untuk mengenakan aku! Adakah mama mahu menjodohkan aku dengan Shark?

Eh, pandai-pandai saja aku membuat kesimpulan sendiri. Pasti tersedak mama yang sedang sibuk dengan kerja persatuannya itu. Jujur aku akui, kadangkala aku berasa bosan juga duduk di rumah sendirian. Melangut sahaja di hadapan televisyen.

Bayangkan sahaja, mama sentiasa sibuk dengan persatuan yang disertainya. Along pula sudah mendirikan rumah tangga. Hendak berbual dengan angah? Angah belajar di luar negara. Uda? Lagilah... Uda sentiasa sibuk. Sekejap ada, sekejap tidak ada. Maklum sahajalah, menjadi pramugara sepertinya manalah betah tinggal di tanah lama-lama. Merantau sahaja kerjanya, di awan biru.

“Awak... Terima kasih ya sebab hantar balik,” ucapku, sekadar berbahasa.

Dia mengangguk dan tersenyum. Dengan pantas aku membuka pintu keretanya, aku harus bersegera sebelum jiran-jiranku terlihat aku keluar bersama dengan lelaki!

Aku sudah sedia maklum dengan sikap jiran-jiranku yang agak kepo dan suka menjaga tepi kain orang lain itu. Aku menggelarkan mereka Geng Kepochi. Dalam sehari, ada sahaja cerita yang akan dijual oleh mereka. Kalau tiada topik hangat yang dibincangkan, tidak sah!

Setiap hari juga pasti ada macam-macam cerita yang dihebohkan. Anak Puan Ramlah tidak pulang rumahlah, Puan Saadiah yang bergaduh dengan suaminya la, dan pelbagai lagi cerita yang entah boleh dipercayai kebenarannya atau tidak itu.

"Misha..." Baru sahaja aku melangkah beberapa tapak, Shark memanggil aku. Aku pantas berpaling, tingkap keretanya terbuka.

"Kenapa?" Aku pantas menyoalnya. Agak rimas dengan pelbagai soalan yang kerap dilontarkannya.

"Thanks..." Aku mengerutkan dahiku. Kenapa pula dia berterima kasih dengan aku? Sungguh, aku rasakan sikap Shark ini semakin pelik sejak awal pertemuan kami.

"Kenapa pula?" Soalan itu terpacul keluar dari bibirku.

Bukankah aku yang sepatutnya mengucapkan terima kasih kepadanya kerana telah menolongku ketika beg tanganku disambar oleh lelaki yang berambut panjang di pusat beli-belah itu? Tambahan lagi, dia telah membelanjaku makan serta menghantarku pulang ke rumah dengan selamat!

Dia tersenyum meleret, pandangannya sengaja diredukan.

"Sebab sudi keluar dengan orang walaupun terpaksa."

Aku termangu seketika. Sudahnya aku diam sahaja. Tadi itu pun dianggap 'keluar' juga ke? Aku mengangguk walaupun aku tidak tahu kenapa aku berbuat begitu. Apa yang penting, layan kan sahaja tingkah laku Shark ini.

Shark tersenyum semanis gula.

"*Next time* kita keluar lagi okey? *I hope this is not the first and the last time we meet.*" Kata-katanya itu penuh harapan.

"Insyallah..." Shark mengangguk-angguk mendengar jawapan yang terbit keluar dari bibirku.

"Lagi satu!" Shark menambah lagi.

Aku mulai berasa bosan. Banyak betul benda yang hendak dibualkan oleh Shark ini. Tidak cukup-cukup lagikah? Dari kedai makan tadi, masuk ke dalam kereta, dan seinggalah sekarang!

Dia tidak henti-henti berbicara, tidak letihkah dia? Segala benda hendak diberitahunya, walaupun ada sesetengah perkara yang aku tidak minat juga diceritakannya. Mesra alam sungguh!

"Kalau ada apa-apa, orang telefon mama awak. Okey?" Aku pantas membesarkan mataku, memberi amaran kepadanya. Dia tergelak lantas memecut kereta miliknya dengan laju.

“EH, mama!” Aku diterpa perasaan hairan. Bukankah tadi mama katakan dia sibuk dengan kerja persatuannya? Kenapa sekarang mama boleh berada di rumah pula?

Aku semakin hairan. Mama tersenyum memandang aku. Aku spontan mengangkat kening, mengharapkan penjelasan selanjutnya daripada mama.

“Mama tak jadi pergi.”

Aku mendengus sejujur sahaja mendengar jawapan mama itu. Tidak jadi pergi pula? Tadi bukannya mama bersungguh-sungguh mengatakan dia sedang sibuk? Sehingga tidak boleh mengambil aku di pusat beli-belah itu? Dan sekarang, mama berada di rumah pula? Aku membebel dalam hati.

Bukannya apa, aku cuma berasa terkilan dengan tindakan mama itu. Kalau mama tidak mahu mengambilku atau mama penat sekalipun, sekurang-kurangnya beritahulah aku dengan sejujurnya. Aku tidak kisah jika mama katakan dia penat. Kelihatannya, mama sengaja memberi peluang kepada Shark untuk menghantarku pulang!

Aku berasa malas untuk bertikam lidah dengan mama, terus sahaja aku mengatur langkah menaiki anak tangga. Lebih baik aku berdiam diri sahaja lepas ni, daripada terus menambah dosa kerana bertegang urat dengan mama. Bukankah begitu lebih baik?

“Mimi!” Mama memanggilku, aku segera berpaling.

“Mama minta maaf sebab tak dapat ambil tadi. Lagipun tadi lelaki yang bercakap dengan mama dalam telefon tu beria-ia sangat nak hantar Mimi balik...” Buat

kesekian kalinya aku terjeda.

Mengapa begitu mudah sekali mama memberikan alasan? Bukankah selama ini mama pernah berkata, dia sudah tidak mempercayai lelaki lagi? Mama pernah berkata, lelaki semuanya sama sahaja, suka mempermainkan perasaan kaum Hawa!

Mengapa sekarang ini mama mudah sekali memberikan kebenaran kepada Shark untuk menghantarku pulang? Kalau begitu, senang sahajalah jika Shark hendak meminta apa-apa? Bagaimana jika tiba-tiba sahaja Shark mengambil kesempatan ke atasku?

“Dahlah mama... Mimi nak naik atas dulu. Mimi letih ni...”

Mama mengangguk sahaja. Hanya Allah sahaja yang tahu betapa sakitnya hatiku sekarang ini. Aku tahu tidak elok aku berperasaan begini, apatah lagi terhadap mama. Insan yang telah melahirkan aku!

Tetapi bila difikirkan semula, aku harus berhati-hati juga. Shark lelaki, aku pula perempuan. Aku harus lebih berhati-hati selepas ini.

Dahulu mama tidak seperti ini, cuma sejak akhir-akhir ini sahaja. Sejak mama menyertai sebuah persatuan dengan beberapa orang wanita yang berpangkat Datin itu, mama seperti tidak menghiraukan aku lagi. Walhal aku ini anak bongsunya!

Hanya mama tempat aku mengadu kasih. Tiada tempat lagi untuk aku bermanja. Hendak mengharapkan kasih sayang seorang bapa? Memang aku tidak akan dapat!

Kadangkala, aku berasa pelik bagaimana papa boleh meninggalkan mama semata-mata hendak bersama dengan sepupu kepada mama itu! Apa kurangnya mama?

Sehingga kini aku tidak boleh menerima kenyataan itu!

Aku menghempas tubuh badanku ke atas katil. Tanganku berasa lenguh, mungkin juga disebabkan rentapan kuat oleh lelaki yang meragutku tadi. Hati terasa sakit, bahkan tangan pun berasa sakit.

Mujurlah semua barangan berhargaku masih selamat. Spontan, aku mengukir senyuman. Tiba-tiba aku teringat pula pada senyuman manis milik Shark. Belum pernah aku melihat senyuman manis seperti itu sepanjang aku mengenali insan yang bernama lelaki.

*Love is in the air ke, Misha?* Kedengaran suara hatiku mengusik, nakal.

Gaya Shark yang mencuit hati itu benar-benar membuatkan aku terhibur. Shark mempunyai personaliti yang begitu menarik pada pandangan mataku. Renungan matanya sahaja sudah cukup untuk menggoncangkan dadaku, ditambah pula dengan haruman yang digunakannya.

Bahana harumannya itu, aku yang berada beberapa meter darinya pun sudah berasa tidak keruan. Seperti yang telah aku katakan tadi, Shark mempunyai aura lelaki buaya. Seharusnya dia mengkomersialkan nama panggilannya kepada Croc sahaja. Bersamaan dengan jenama selipar yang sedang menjadi trend masa kini.

**TELEFON** pintar iPhoneku mengalunkan lagu dendangan Bruno Mars. Penyanyi yang mempunyai suara yang cukup lunak. Tanpa membuang masa, aku menjawab

panggilan. Sebaik sahaja aku melihat nama pemanggil yang menelefonku, keluhan halus aku hembuskan.

Nak apa lagi la dia ni? Tak faham bahasa ke? rungutku dalam hati.

"Helo?" Aku menjawab dengan suara yang dingin. Kedengaran gelak tawa di hujung talian. Adakah empat aksara yang aku sebut ini mencuit hatinya sehingga tercetus tawa di bibirnya?

"Tadi Mimi keluar dengan siapa?" Suara itu bertanya lagi.

Aku melemparkan pandanganku ke luar tingkap. Sungguh aku berasa tidak tenang ketika ini, mengapa mesti ada insan yang memasang mata pada semua aktiviti yang aku lakukan? Tidak bolehkah dia menjaga halnya sendiri? Aku mendongkol geram.

"Abang Fiqroul... Tolong jangan ganggu saya... Boleh?" pintaku dengan suara yang lembut.

Fiqroul tertawa di hujung talian. Setiap kali aku mendengar tawanya, pasti aku berasa sakit hati. Seolah-olah jantungku bagai disiat-siat dengan belati.

Dia ketawa sinis.

"Abang tak ganggu pun, Misha. Abang cuma tanya khabar aje. Takkan tu pun salah?" Fiqroul cuba mempertahankan dirinya. Cuba meyakinkan bahawa dirinya itu tidak bersalah. Ah, hipokrit!

"Salah!" Aku meninggikan suara. Dia terdiam.

"Kenapa salah?" Perlahan saja suaranya. Seakan-akan berkecil hati, bahkan seakan-akan cuba memancing emosiku.

"Abang dah kahwin... Tolong jangan ganggu

Mimi. Tolonglah..." pintaku, separuh merayu. Abang saudaraku yang seorang ini memang susah hendak mendengar kata, semua benda perlu ikut telunjuknya sahaja.

"Abang sayang Mimi..." Aku tersentak. Tengok sahaja contoh sekarang! Mungkin Allah SWT mahu menunjukkan kepadaku bahawa semua lelaki memang tidak baik kecuali para Nabi dan Rasulullah SAW.

"Jangan cabar Mimi, bang..." Aku mengugutnya.

Fiqroul mengeluh, hampa. Barangkali tidak senang dengan ugutanku itu. Tapi semua itu aku tidak peduli. Ada aku kisah? Sungguh... Aku berasa rimas jika setiap hari aku diganggu sebegini.

Fiqroul terdiam lagi. Memang sejak dahulu lagi Fiqroul sudah menyimpan perasaan terhadapku. Itu katanya, sejauh mana kebenaran itu, aku sendiri tidak pasti. Akan tetapi aku tidak pernah membalas cintanya kerana aku hanya mampu menganggapnya sebagai seorang abang kepadaku.

Dahulu Fiqroul cuba memancing cintaku, tetapi dia tidak berjaya. Sekarang ini Fiqroul sudah berkahwin dengan pilihan hatinya sendiri dan sedang menunggu kelahiran anak ketiganya pula. Bahkan dua anaknya yang lain sudah besar panjang.

Hal itu yang merumitkan aku. Dia sudah mempunyai cahaya mata, mengapa dia hendak mengganguku lagi? Apa istimewanya aku? Umpama aku sahaja wanita yang ada di dalam dunia ini sehingga dia tidak boleh melupakan aku!

"Abang sayang Mimi. Sumpah... Abang tak boleh lupakan Mimi." Setiap patah bicaranya ditutur dengan



suara yang lembut. Suasananya pun sunyi sahaja.

“Geram betul Mimi dengan abang... Kalau abang ada depan mata Mimi sekarang ni... dah lama rumah abang meletup kena bom.” Sinis aku berkata.

Fiqroul ketawa. Sekali lagi telingaku terasa berdarah! Fiqroul makin dilayan makin menjadi. Aku tiada pilihan lain selain mengadu hal ini kepada isterinya! Siaplah kau, Abang Fiq! getus hatiku.

Tanpa mengucapkan apa-apa, aku terus menutup talian. Puas hatiku! Lain kali ganggulah lagi! Apa dia fikir aku berasa senang ke setiap kali dia menggangguku dengan ayat romeonya yang sudah basi itu?

Baru sahaja aku hendak melelapkan matak, sekali lagi telefonku berdering. Tanpa melihat nama pemanggil, aku mengangkat.

“Tak faham bahasa ke?” tengkingku dengan suara yang agak tinggi. Bahang seketika suasana di dalam kamarku ketika ini.

“Errr... Misha?” Berderau darahku mendengar suara itu.

Jantungku bagaikan tiba-tiba sahaja mahu tercabut. Aku cepat-cepat meneguk sedikit minuman yang berada di tepi katilku, buat menghilangkan resah jiwa yang semakin sarat bertakung.

“Marah orang ke?” Shark bertanya dengan suara yang menggoda.

Aku tersenyum ala kadar. Kenapa aku nak marah dia? Dia tak ada buat salah apa pun dekat aku. Tahap amarahku naik membuak-buak sekarang ini disebabkan oleh Fiqroul, bukannya Shark!

“Tak cakap pun,” jawabku pendek.

“Esok jom keluar?” Dia mengajak.

“Sibuk... Eh! Tunggu sekejap! Mana awak dapat nombor saya ni?” Suaraku meninggi. Tiba-tiba sahaja aku melenting. Sudahlah aku sedang bengang sekarang ini, makin bertambah bengangku apabila Shark tanpa rasa takutnya menelefonku! Bahkan mengajakku keluar lagi!

Kedengaran Shark ketawa di corong telefon. Hatiku terbakar lagi. Mengapa setiap kali aku berkata-kata, pasti ada yang ketawa? Apa yang aku katakan itu lucu? Atau aku ini setaraf dengan juara Maharaja Lawak? Aku menggerutu dalam hati.

“Janganlah tinggikan suara macam tu. Takut orang dengar... Tadi orang *call* mama awak. Lepas tu orang cakaplah nak berbual dengan awak sekejap...” Belum sempat Shark menghabiskan kata-katanya, aku segera memintas.

“*What?!!!!*” Buat kali kedua aku meninggikan suara, seperti sudah boleh mengalahkan Charice sahaja gayaku ini.

“Aduh... Berdesing telinga orang ni, awak... Janganlah jerit-jerit macam tu... Cakaplah perlahan-lahan. Baru romantik...” usiknya. Aku menggigit bibir. Mengapa lelaki ini suka mengusik perasaanku?

Hatiku terbuai seketika. Aku akui Shark memang bijak bermain kata, tetapi adakah dia sama sahaja seperti lelaki lain? Dalam kamus hidupku sudah tertera papan tanda yang begitu besar.

Lelaki semua penipu!

“Misha...” Suaranya kembali menyapa gegendang

telingaku. Aku tersentak.

“Esok, eh?” Dia merayu lagi. Aku mendengus kasar. Belum tentu emosiku baik esok, dan belum tentu juga aku mahu keluar bersamanya walaupun esok aku masih bercuti lagi. Sejak dua tiga hari ini aku sering keluar rumah, duit pun sudah keluar seperti air. Jika berterusan begini, mahunya aku jadi papa kedana tidak lama lagi!

“Awak ni tak kerja ke? Ajak-ajak saya keluar...” Aku bertanya. Hairan juga, bukankah selalunya orang lelaki ini tidak ada masa untuk bersuka ria? Sentiasa sibuk pada pekerjaan mereka, sehingga orang yang disayangi pun terabai.

Shark lantas ketawa. “Sebab orang tak kerjalah orang nak ajak awak keluar. Dua hari ni orang *off*... Jomlah awak,” rayunya dengan suara yang manja. Aku memandang siling, perlu ke aku keluar bersamanya? Aku ragu-ragu.

“*Girlfriend* awak tak marah ke?” Soalan itu tiba-tiba terbit dari bibirku. Aku hampir memutuskan talian apabila mendengar dia ketawa. Sinis sahaja tawanya itu. Seolah-olah menyindirku.

“Ini awak nak tahu status orang dah berpunya ke ni?” Shark ketawa geli hati. Aku mengepal penumbuk. Shark bernasib baik kerana tiada di hadapanku ketika ini, jika tidak sudah lama lebam wajahnya aku kerjakan!

Apa dia fikir aku ini terhegeh-hegeh sukakan dia? Aku cuma bertanya sahaja. Aku tidak mahu nanti aku diserang oleh wanita yang mengaku bahawa Shark itu teman lelakinya. Tidak pasal-pasal aku mendapat malu!

“Jangan perasanlah...”

“Orang tanya aje...” Dia menjawab, selamba.

Suasana sepi secara tiba-tiba.

Aku bersuara kembali.

“Kalau nak keluar, nak pergi mana?” Aku pasti sekarang ini Shark sudah tersenyum lebar mendengar kata-kataku.

“Kita tengok wayang?” ajaknya.

Sebenarnya, aku mahu membalas jasanya yang sudah membantuku tadi. Kasihan pula apabila dia sudah merayuku sehingga begitu.

“Cerita apa? Saya tak biasalah tengok wayang...” Aku memberi alasan. Tapi sungguh! Aku sesak apabila berada di dalam panggung wayang.

“Kita tengok cerita hantu... Nak?” cadangnya.

“Tak naklah.” Aku pantas menolak.

“Awak takut ke? Alah... nak takut apa... Kalau ada *scene* seram, awak peluk aje orang. Orang tak kisah.” Sejurus itu dia ketawa lagi.

“Shark... Jangan sampai saya ubah fikiran saya,” ujarku berbaur amaran.

“Orang gurau pun nak marah... Habis tu, awak nak tengok cerita apa?” Dia kembali bertanya.

Aku berfikir sejenak. Sekarang ini di panggung wayang, cerita apa yang menarik ya? Jika dilihat di surat khabar, semuanya cerita biasa-biasa sahaja. Tidak ada langsung yang menarik perhatianku dan membuatkan aku teruja untuk menontonnya.

“Entah,” jawabku. Dia mengeluh.

“Kalau entah... kita buat cerita kita sendirilah... Nak?” Aku ketawa.

“Pandai ke awak berlakon?” Terasa seronok pula melayani sikapnya yang periang itu.

“Tengok kakilah... Orang ni darah seni tau!” ujar Shark dengan bangganya.

“Eleh... Darah seni konon...” Aku memperlekehkannya.

Darah buaya adalah. Aku berkata dengan suara perlahan. Namun malang bagiku kerana dia mendengar apa yang aku katakan sebentar tadi.

“Apa awak kata?”

“Tak ada apa-apa!” jawabku segera.

Sekali lagi suasana menjadi sepi. Sahlah sekarang ini aku dan dia tiada modal untuk dibualkan lagi. Sudah tiada idea untuk berbicara.

“Orang jemput awak esok... Okey? Pukul sepuluh?” Aku hampir melontarkan vokalku buat kesekian kalinya. Kali ini mungkin lebih kuat daripada sebelumnya!

“Gila ke? Kedai mana yang buka pukul sepuluh pagi!” Aku memprotes. Nasiblah aku termakan budi dengan si Shark ini. Kalau tidak, malasnya aku hendak keluar bersamanya.

“Banyak kedai dah buka. Tak payah nak kasi alasan ya, Cik Misha yang comel...” Jantungku berdegup saat dia memujiku. Bukannya aku ‘kembang’ atau apa, tapi pada cuping telingaku, aku dapat rasakan bahawa dia memujiku dengan ikhlas.

“Lantak awaklah... Saya tak *sure* saya dah bangun ke belum *time* tu.”

“Orang perempuan tak elok bangun lambat, lepas subuh tak digalakkan tidur semula. Takut nanti rezeki tak

masuk..." Sekali lagi aku mendapat nasihat percuma daripadanya.

"Baiklah Ustaz Shark!" Aku malas hendak membidas kata-katanya. Sekarang ini apa yang aku rasakan, setiap butir bicara Shark itu berbaur unsur nasihat. Dia bukan sembarangan lelaki.

"Dah malam ni... Awak pergilah tidur. Nanti mengantuk..."

"Tahu pun..." Aku menjawab. Dia tergelak.

"Orang memang macam ni. Teruja sebab dapat berbual dengan perempuan cantik," ujarnya.

"Ya, abang *handsome*." Sekali lagi Shark ketawa. Telinga aku sudah berasa lali mendengar tawanya. Tapi tawanya itu membuatkan hatiku berasa senang, seakan-akan terpujuk rasa amarahku pada Fiqroul.

"Selamat malam awak..."

Aku tersenyum.